



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 21 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,405 kes**, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **40,493 kes** (75.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 21 November 2020, sebanyak **1,041 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **53,679 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 12,854 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat **dua (2) kes import** yang mendapat jangkitan dari luar negara dan **1,039 kes** adalah merupakan penularan COVID-19 dalam negara.

Tiga (3) negeri yang mencatatkan kes tertinggi pada hari ini adalah Selangor iaitu sebanyak 402 kes (38.6 peratus), diikuti Sabah 346 kes (33.2 peratus) dan Negeri Sembilan 121 kes (11.6 peratus). Pelaporan

kes positif COVID-19 yang tinggi di Selangor berpunca daripada pertambahan kes bagi Kluster Teratai iaitu sebanyak 298 kes (74.1 peratus). Negeri Sabah pula mencatatkan jumlah kes yang tinggi pada hari ini disebabkan oleh pelbagai saringan COVID-19 yang giat dijalankan di sana manakala Negeri Sembilan disebabkan oleh pertambahan kes dalam kluster-kluster sedia ada.

Sebanyak 21 kes (2.0 peratus) yang dilaporkan pada hari ini pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (17 kes), Kluster Tembok (3 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**.

Sehingga kini, terdapat **108 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **45 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **tiga (3) kes** kematian berkaitan COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **332 kes** (0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
330	24182	Sabah	Lelaki (WN)	62	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, kencing manis, obesiti,

						dan penyakit buah pinggang kronik
331	51743	Sabah	Lelaki (WN)	78	Hospital Lahad Datu	Penyakit darah tinggi dan terlantar
332	37553	Sabah	Perempuan (BWN)	55	Hospital Keningau	Penyakit darah tinggi dan kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 21 November 2020, terdapat sebanyak **327 kluster** telah dilaporkan. Pada hari ini, terdapat **tiga (3) kluster baharu** yang dilaporkan menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **168 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **36 kluster** melaporkan pertambahan kes. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Teratai (299 kes), Kluster Hentian (79 kes), dan Kluster Tapak Bina Damanlela (43 kes). Ingin dimaklumkan bahawa sebanyak dua (2) kluster telah tamat pada hari ini iaitu Kluster Bah Kayu dan Kluster Lekir. Ini menjadikan jumlah kluster tamat adalah sebanyak 159 kluster.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **tiga (3)** kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER PENJARA JALAN HARAPAN

Kluster ini melibatkan Penjara Sungai Buloh, Selangor. Kes-kes bagi kluster ini dikesan positif COVID-19 hasil saringan kemasukan tahanan ke penjara pada 17 November 2020. Sehingga 21 November 2020, sejumlah 113 individu telah disaring, di mana 17 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER KOTA KECIL

Kluster ini melibatkan daerah Kota Tinggi, Johor. Kes indeks (iaitu kes ke- 47390) dikesan positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 15 November 2020. Sehingga 21 November 2020, sejumlah 467 individu telah disaring, di mana sembilan (9) kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

3. KLUSTER SKY COKLAT

Kluster ini melibatkan daerah Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan. Kes indeks (iaitu kes ke-51581) dikesan positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 19 November 2020. Sehingga 21 November 2020, sejumlah 51 individu telah disaring, di mana tujuh (7) kes telah

dikesan positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Labuan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

21 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 21 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	346	25,787
SELANGOR	402	9,149
W.P. KUALA LUMPUR	68 (2)	4,830
NEGERI SEMBILAN	121	3,915
KEDAH	6	2,324
PULAU PINANG	17	1,753
W.P. LABUAN	12	1,227
JOHOR	33	1,076
SARAWAK	0	1,055
PERAK	29	1,049
PAHANG	0	395
MELAKA	0	377
KELANTAN	7	271
TERENGGANU	0	234
W.P. PUTRAJAYA	0	196
PERLIS	0	41
JUMLAH KESELURUHAN	1,041 (2)	53,679

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 1,041 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 21 November 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 402 kes**

- 363 kes daripada kluster-kluster, termasuk 17 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Harapan**;
- 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 20 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 346 kes**

- 43 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 148 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 155 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 121 kes**

- 119 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 68 kes**

- 44 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 33 kes**

- 20 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kota Kecil**;

- Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 29 kes**
 - 21 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 17 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 12 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sky Coklat**; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: Tujuh (7) kes** daripada kluster sedia ada.

- **Kedah: Enam (6) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

